

DERAF TEKS UCAPAN

YB TUAN BARU BIAN

MENTERI KERJA RAYA

SEMPENA

MAJLIS PENYERAHAN SIJIL KONTRAKTOR PENYIAP

KEMENTERIAN KERJA RAYA

2 APRIL 2019 (SELASA)

9.00 PAGI

BILIK TANJUNG, ARAS 6, BLOK A

KOMPLEKS KERJA RAYA

Terima kasih Puan Pengacara Majlis.

YBhg. Dato' Dr. Syed Omar Sharifuddin bin Syed Ikhsan
Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya

YBhg. Dato' Abdul Razak bin Jaafar
Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar Dan Pembangunan)

YBhg. Dato' Ir. Dr. Meor Abdul Aziz Bin Hj. Osman
Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya

Pegawai-Pegawai Kanan Kementerian dan Agensi

Kontraktor-Kontraktor yang berjaya melepasi Saringan bagi diiktiraf sebagai Kontraktor Penyiap Kementerian Kerja Raya Malaysia

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

1. Bersyukur kita kepada Tuhan kerana dapat berkumpul dan meraikan **Majlis Penyerahan Sijil Kontraktor Penyiap Kementerian Kerja Raya** pada hari ini. Saya juga ingin merakamkan penghargaan dan ucapan syabas kepada pihak penganjur berusaha menganjurkan majlis ini.
2. Selaras dengan hasrat Kerajaan, Kementerian Kerja Raya komited untuk terus menjana pertumbuhan ekonomi negara dan menyediakan kemudahan infrastruktur terbaik bagi rakyat melalui pembangunan fizikal seperti pembinaan bangunan sekolah, hospital, jalan raya dan banyak lagi. Pelaksanaan pembangunan ini

tidak akan berjaya tanpa komitmen yang tinggi daripada Agensi di bawah Kementerian ini iaitu Jabatan Kerja Raya yang menjalankan amanah kepada sektor pembinaan negara. Adalah menjadi tanggungjawab utama pihak JKR dalam membuat perancangan dan memilih Kontraktor berkelayakan, berkebolehan dan berpengalaman bagi melaksanakan sesebuah projek.

Hadirin sekalian,

3. Pelaksanaan sesebuah projek kadangkala menghadapi masalah sehingga berlakunya projek sakit dan seterusnya penamatan kepada kontrak pembinaan tersebut. Sekiranya perkara ini berlaku, pelawaan tender semula bagi penyiapan baki kerja tersebut akan dilaksanakan oleh Kontraktor secara Kaedah Tender Terhad.
4. Namun kini, Kerajaan telah menambah baik peraturan sedia ada mengenai pelantikan Kontraktor Penyiap dengan memansuhkan kaedah perolehan secara Tender Terhad dan menggantikannya dengan kaedah Tender Terbuka. Kaedah ini dilaksanakan dalam kalangan Kontraktor Penyiap yang telah diluluskan dan diberikan Sijil Kontraktor Penyiap Kementerian Kerja Raya. Peraturan ini terpakai untuk semua projek yang dilaksanakan oleh Kerajaan.
5. Untuk makluman para hadirin sekalian, Sijil Kontraktor Penyiap telah dikeluarkan pertama kalinya, kepada 94 Kontraktor yang telah berjaya lulus saringan Pra Kelayakan Kontraktor Penyiap yang diadakan pada 27 Mac 2018. Hari ini, pengiktirafan yang serupa diadakan buat kali kedua kepada 96 lagi Kontraktor yang berkelayakan. Pra Kelayakan Siri Kedua ini, telah dibuka bermula

pada 23 Mei 2018 sehingga 28 Julai 2018, di mana sebanyak 301 Kontraktor telah melalui tiga peringkat saringan dan dinilai berdasarkan kriteria-kriteria iaitu;

6. Bagi **Saringan Pertama** kontraktor perlulah berdaftar dengan CIDB; mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) / Lesen Pusat Pendaftaran Kontraktor-kontraktor Kerja, Bekalan dan Perkhidmatan Negeri Sabah (PUKONSA) / Sijil Pendaftaran Unit Pendaftaran Kontraktor Dan Juruperunding Sarawak (UPKJ); mempunyai SCORE CIDB minimum tiga bintang; mempunyai keupayaan kewangan yang mencukupi dan mempunyai pengalaman kerja yang baik.
7. **Saringan Kedua** pula melibatkan tapisan daripada 24 Kementerian dan Jabatan Teknik mengenai Rekod projek sakit dalam tempoh lima tahun terkini; selain itu kontraktor juga tiada aduan prestasi kerja yang lemah atau kurang memuaskan; bebas daripada denda dan gantirugi dikenakan (LAD); bebas daripada muflis, tiada tindakan undang-undang, jenayah, sivil dan tatatertib daripada mana-mana badan kawal selia serta tiada kontrak yang telah ditamatkan. Turut dilakukan adalah Semakan silang daripada Jabatan Insolvensi Malaysia.
8. Dalam **Saringan Ketiga** pula, Tapisan Keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dilakukan bagi memastikan kontraktor bebas daripada unsur rasuah.
9. Pengiktirafan sebagai Kontraktor Penjiap Kementerian Kerja Raya ini merupakan satu amanah besar kepada semua penerima sijil

pada hari ini. Adalah menjadi kewajiban kepada semua Kontraktor Penyiap ini untuk terus mematuhi kepada kriteria – kriteria yang ditetapkan juga mengekalkan prestasi cemerlang ini. Sebagai peringatan semua, Kementerian Kerja Raya akan sentiasa memantau prestasi Kontraktor Penyiap ini melalui pematuhan kriteria yang ditetapkan, bebas daripada sebarang projek sakit dan bebas tindakan tatatertib oleh pihak berkaitan. Jika didapati perkara ini berlaku, tindakan menarik balik Sijil Kontraktor Penyiap ini akan dilaksanakan serta merta.

10. Terima kasih sekali lagi diucapkan dan ucapan Tahniah daripada saya kepada semua penerima Sijil Kontraktor Penyiap pada hari ini.

Sekian,